

# Hakisan tebing perlu perhatian

Fenomena air pasang besar disertai hujan lebat punca air laut melimpah ke kawasan kampung

TANJONG KARANG - Hakisan tebing jalan setinggi empat meter di sepanjang laluan Bagari Sungai Kajang, di sini akibat fenomena air pasang besar perlu diberi perhatian serius.

Adun Sungai Burong, Datuk Mohd Shamsudin Lias berkata, pihaknya melawat beberapa kawasan terjejas di dalam Dun Sungai Burong termasuk Bagan Pasir dan Kampung Haji Razali.

Menurutnya, pihaknya terpujukkan untuk melawat beberapa kawasan terjejas bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kuala Selangor dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP).

"Saya bersama Jurutera JPS Daerah Kuala Selangor, Mohd Shafiq Mohd Jabir dan JKPP Bagan Sungai Kajang, Bagan Pasir dan Kampung Haji Razali meninjau kawasan kritikal selepas musibah air pasang.

"Saya juga memanjangkan permohonan kepada JPS Daerah Kuala Selangor supaya isu hakisan tebing serius perlu dibaiki dengan kadar segera, sebab laluan ini agak bahaya jika dibiarkan. Lagipun, kita tak boleh nak jangka keadaan jalan ni jika tak dibaiki sebab bulan depan pun ada air pasang juga. Saya minta jalan ni dibaiki segera," katanya.

## Air pasang luar biasa

Mohd Shamsudin berkata, fenomena air pasang kali ini memang tak disangka sebab ditambah hujan lebat menyebabkan air laut melimpah masuk ke kawasan rendah dalam kampung.

"Kali ini air pasang setinggi 5.7 meter saja tapi disebabkan hujan

Mohd Shamsudin (tengah) meninjau kerosakan tebing di Bagan Sungai Kajang.

lebat lebih sejam menyebabkan air melimpah dan menjejaskan 12 keluarga melibatkan hampir 50 penduduk di Kampung Haji Razali. Saya cadangkan supaya sebuah pam air kekal dapat diwujudkan di kawasan Kunci Air Ban RB untuk mengempam air keluar dari parit ke sungai selain menaiktarafkan kunci air lama.

"Parit ini menghubungkan tiga kampung iaitu Kampung Haji Razali,

Kampung Ampangan dan Sungai Sireh. Jadi, limpahan air luar biasa kali ini menyebabkan beberapa kawasan terjejas.

"Lagipun, kunci air yang ada ni agak lama dan perlu dinaiktarafkan. Sekarang ni pun JPS Daerah Kuala Selangor sediakan satu pam air untuk mengempam air yang masih bertakung di Kunci Air Ban RB," katanya.



Mohd Shamsudin bersama JPS Daerah Kuala Selangor meninjau pam air di Kunci Air Ban RB.



Mohd Shamsudin (tengah) berbincang sesuatu mengenai keadaan Kunci Air Ban RB.



Maruwan (dua, kiri) mewakili Adun Sungai Burong menyampaikan sumbangan ihsan kepada mangsa banjir.

## Tinggikan laluan jalan bermasalah



Mohd Shamsudin (tengah) meninjau tebing di Bagan Pasir.

FENOMENA air pasang juga turut menjejaskan penduduk Bagan Pasir apabila laluan ditenggelami air sehingga menimbulkan masalah untuk mereka keluar masuk.

"Saya juga sudah tinjau kawasan tebing sungai yang dikatakan sering dilimpahi air laut setiap kali air pasang besar dan saya juga memanjangkan permohonan untuk meninggikan laluan jalan bermasalah.

"Isu di kawasan bagan memang menjadi perhatian saya untuk dipanjangkan kepada pihak berwajib dan sumbangan turut diberikan kepada mangsa banjir di kampung tra-

disional," katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno Bahagian Tanjong Karang yang juga Pegawai Khas Adun Sungai Burong, Maruwan Ahmad berkata, pihaknya sentiasa memantau keadaan mangsa banjir dari hari ke hari.

"Sumbangan ihsan disampaikan kepada 12 keluarga terjejas dan difahamkan ada penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan banjir, tapi maklumat tepat belum diperolehi. Saya juga minta kerjasama pengerusi JKPP supaya dapat bantu penduduk yang terjejas membuat laporan polis supaya bantuan lain dapat dipanjangkan," katanya.